



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI



PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)
OFFICE OF THE DEPUTY VICE CHANCELLOR (RESEARCH AND INNOVATION)

UPM/ 700-2/1/GP-IPS/2018/9612600

19 Februari 2018

Ching Siew Mooi (Prof. Madya)
Jabatan Perubatan Keluarga
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
Universiti Putra Malaysia

Y Bhg. Prof. Tuan/Puan,

TAWARAN GERAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2018

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan Y. Bhg. Prof./Tuan/Puan yang telah ditawarkan peruntukan penyelidikan di bawah Geran Universiti Putra Malaysia Tahun 2018.
3. Butiran tawaran adalah seperti berikut:-

| | | |
|--|---|--|
| (i) Tajuk Projek | : | <i>Determination of Empowerment Score Among Type 2 Diabetes Mellitus Patients and its Associated Factors in Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18</i> |
| (ii) PTJ | : | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| (iii) Tempoh Projek | : | 24 bulan |
| (iv) Tarikh Mula Projek | : | 15 Februari 2018 |
| (v) Tarikh Tamat Projek | : | 14 Februari 2020 |
| (vi) Peruntukan keseluruhan yang diluluskan | : | RM24,840.00 |
| (vii) Agihan peruntukan yang telah di salurkan | : | RM24,840.00 |
| (viii) Pusat Kos | : | 9612600 |
| (ix) Kod. Projek | : | GP-IPS/2018/9612600 |
| (x) Jenis Geran | : | GP-IPS |
| (xi) Penyelidik Bersama | : | Nurainul Hana Shamsuddin ; Thew Hui Zhu (GS 43431) |

4. Pelaksanaan dan Pemantauan Projek Penyelidikan adalah seperti berikut:

- a) Pelaksanaan projek perlu mengikut jadual dan mencapai objektif kajian sebagai mana yang ditetapkan dalam kertas cadangan penyelidikan. **Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi** perlu dipatuhi dan dijadikan sumber rujukan dalam melaksanakan penyelidikan terutamanya dari segi peraturan kewangan dan hasil penyelidikan. Sila rujuk i) **Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan** dan ii) **Garis Panduan Pengurusan Penyelidikan untuk Penyelidik** yang boleh dimuat turun dari laman web SPK UPM [www.reg.upm.edu.my /spk_upm](http://www.reg.upm.edu.my/spk_upm);
- b) **Laporan Kemajuan Projek** perlu dihantar ke RMC melalui PTJ pada setiap enam bulan sekali iaitu pada **16 Februari dan 16 Ogos setiap tahun**. **Borang Laporan Kemajuan Penyelidikan (LKP)**, **PU/PY/BR09/LKP** dihantar bersama Borang Laporan Output Penyelidikan, **PU/PY/BR15/OUTPUT** sekiranya terdapat output / hasil penyelidikan yang ingin dilaporkan. LKP akan dinilai oleh panel yang dilantik oleh PTJ berdasarkan Borang Laporan Penilaian Prestasi Projek (**PU/PY/BR40/PRESTASI**). Penilaian adalah tertakluk kepada sekali setahun bagi setiap projek;
- c) **Laporan Akhir Projek** perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas projek tamat menggunakan **Borang Laporan Akhir Penyelidikan (LAP)**, **PU/PY/BR10/LAP** bersama Borang Rumusan Output Penyelidikan, **PU/PY/BR15/OUTPUT**;
- d) Penyelidik perlu merujuk kepada **Garis Panduan Kewangan** yang disediakan oleh **Pejabat Bendahari UPM** untuk proses-proses kewangan yang berkaitan dengan peruntukan yang diluluskan. Segala perbelanjaan mesti mengikut agihan peruntukan sebagaimana yang diluluskan. **Hanya pembelian aset/inventori yang dinyatakan dalam proposal penyelidikan sahaja yang dibenarkan mengikut ketetapan penaja dan pertimbangan RMC**. Borang-borang berkaitan boleh didapati di laman web SPK UPM;
- e) Permohonan **pelanjutan tempoh projek** perlu dikemukakan ke RMC selewat-lewatnya tiga (3) bulan sebelum projek tamat.

5. Persetujuan dan Penerimaan Geran

Semua penyelidik telah memahami dan bersetuju dengan syarat yang telah diberikan berdasarkan surat jawapan penerimaan dan proposal muktamat yang telah kami terima.

Pihak Universiti mengharapkan Y. Bhg. Prof./Tuan/Puan dapat melaksanakan projek penyelidikan ini dengan lancar. Jika Y. Bhg. Prof./Tuan/Puan menghadapi sebarang masalah sila hubungi pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan. Kerjasama yang Y. Bhg. Prof./Tuan/Puan berikan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Selamat maju jaya. Sekian, terima kasih.